



**D.R. 7/2000**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerja (Pindaan) 2000.
- (2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 31**

2. Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 31(1)—
  - (a) dengan memasukkan selepas perkataan “(hereinafter referred to as “the secured creditor”)” perkataan “or in the exercise of rights under a debenture”;
  - (b) dengan memasukkan selepas perkataan “attached or garnished, the court” perkataan “or the receiver or manager”; dan
  - (c) dengan menggantikan perkataan “the secured creditor until the court” dengan perkataan “the secured creditor or the debenture holder until the court or the receiver or manager”.

**Pindaan seksyen 32**

3. Subseksyen 32(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “the court” di mana-mana jua terdapat perkataan “or the receiver or manager”.

**Pindaan seksyen 60A**

4. Subseksyen 60A(4) Akta ibu dipinda dalam proviso pertama kepada perenggan (a) dengan memotong perkataan “ten”.

**Pindaan seksyen 60D**

5. Seksyen 60D Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Every employee shall be entitled to a paid holiday at his ordinary rate of pay on the following days in any one calendar year:

(a) on ten of the gazetted public holidays, four of which shall be—

(i) the National Day;

(ii) the Birthday of the Yang di-Pertuan Agong;

(iii) the Birthday of the Ruler or the Yang di-Pertua Negeri, as the case may be, of the State in which the employee wholly or mainly works under his contract of service, or the Federal Territory Day, if the employee wholly or mainly works in the Federal Territory; and

(iv) the Workers’ Day; and

(b) on any day declared as a public holiday under section 8 of the Holidays Act 1951:

*Act 369.*

Provided that if any of the public holidays referred to in paragraphs (a) and (b) falls on a rest day the working day following immediately the rest day shall be a paid holiday in substitution of that public holiday.”;

(b) dalam subseksyen (1A)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “remaining six gazetted public holidays” perkataan “provided for in subsection (1)(a)”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “paid holidays” perkataan “under subsection (1)(a)”;
- (iii) dengan menggantikan perkataan “said remaining six gazetted public holidays” dalam proviso dengan perkataan “remaining six gazetted public holidays provided for in subsection (1)(a)”;
- (iv) dengan menggantikan noktah di hujung proviso sedia ada dengan noktah bertindih dan memasukkan selepas proviso itu proviso yang berikut:

“And provided further that the employer may grant the employee any other day as a paid public holiday in substitution for any of the public holidays referred to in subsection (1)(b).”; dan

(c) dalam subseksyen (1B) dengan memotong perkataan “said ten gazetted”.

### **Pindaan seksyen 60i**

6. Seksyen 60i Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) For the purpose of this section, the Director General may, on application made to him in writing by an employer, approve in writing any incentive payment scheme as an approved incentive payment scheme.”.

### **Pindaan seksyen 63**

7. Seksyen 63 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan sedia ada seksyen itu sebagai subseksyen (1) seksyen 63;
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “The Director General may” perkataan “, by notification in the *Gazette* or by notice in writing”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Notwithstanding the provisions of this Act, the powers of the Director General under subsection (1) extends to every employee employed under a contract of service irrespective of the monthly wages of the employee.”.

### Pindaan seksyen 69c

#### 8. Seksyen 69c Akta ibu dipinda—

##### (a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “due to the employer by the employee” dengan perkataan “due to the employer or employee”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “terminated by the employee” dengan perkataan “terminated by either party”; dan

##### (b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “the employer” perkataan “or employee”; dan
- (ii) dengan memotong perkataan “an indemnity of”.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kerja 1955 (“Akta 265”).

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 265 untuk melindungi hak pekerja. Peruntukan yang baru itu memastikan bahawa hak pekerja diberi keutamaan mengatasi hak pemiutang bercagar dan pemegang debentur apabila harta majikan dijual, ditahan atau digarnis oleh mahkamah, penerima atau pengurus.

4. *Fasal 5* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 60d Akta 265 supaya pekerja berhak mendapat cuti am bergaji apabila cuti am tambahan diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya hari yang diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai cuti am didapati tidak sesuai oleh majikan, maka majikan diberi budi bicara untuk menggantikan hari itu dengan hari lain yang difikirkannya sesuai.
5. *Fasal 6* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 60i Akta 265. Peruntukan yang baru itu bertujuan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk meluluskan skim bayaran insentif.
6. *Fasal 7* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 63 Akta 265 bagi membolehkan Ketua Pengarah memilih salah satu daripada dua cara untuk memberitahu majikan supaya mengemukakan penyata. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperluas ruang lingkup seksyen 63 supaya meliputi semua pekerja tanpa mengambil kira gaji bulanan mereka.
7. *Fasal 8* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 69c Akta 265 untuk membolehkan Ketua Pengarah menyiasat sebarang tuntutan tanggung rugi oleh majikan atau pekerja kerana penamatan kontrak. Peruntukan sedia ada hanya meliputi tuntutan oleh majikan.
8. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan yang kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2117]